

Pelabuhan Klang mampu kendali 264 kontena

sejam 3 DEC 1999

PELABUHAN BARAT 12 Dis.— Pelabuhan Klang kini setanding dengan pelabuhan utama lain di dunia dengan kejayaannya meningkatkan kadar pengendalian kontena sebanyak 40.8 peratus.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad memberitahu, selain itu pelabuhan yang sama juga mencatatkan rekod dengan kemampuannya mengendalikan sebanyak 264 kontena dalam sejam.

Apa yang membanggakan lagi, menurut beliau, ialah kemampuan pelabuhan tersebut meningkatkan kadar kemasukan kapal yang kini bertambah sehingga 130 peratus.

Utama

"Dulu pelabuhan ini hanya menjadi *feeder port* sahaja tapi sekarang ia menjadi pelabuhan utama sampai kapal kontena terbesar pun boleh berlabuh," ujarnya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas lawatan kira-kira setengah jam di atas kapal kontena terbesar di dunia, Clifford Maersk, yang berlabuh di sini petang ini.

Turut hadir ialah Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Ling Liong Sik dan Ketua Eksekutif Pelabuhan Barat, Datuk G. Gnalingam.

Perdana Menteri menambah, bagi meningkatkan kemampuan Pelabuhan Barat, penambahan dermaga sepanjang 600 meter akan disiapkan menjelang Jun tahun depan.

Memuji

Dalam masa yang sama, Perdana Menteri juga memuji perkhidmatan Ling sebagai menteri yang sentiasa 'turun padang' dengan membuat lawatan bagi memastikan kemampuan pelabuhan di negara ini berkembang maju.

Sementara itu, Gnalingam ketika ditemui pula memberitahu, Pelabuhan Barat akan dilengkapi dengan pelbagai kemudahan moden bernilai kira-kira RM145 juta dan akan beroperasi sepenuhnya pada tahun depan.

Pada tahun depan, menurut beliau, pihaknya juga menjangkakan dapat mengendalikan sebanyak 2.1 juta teus kontena berbanding 800,000 kontena pada masa sekarang.

"Jumlah 800,000 kontena ini adalah memberangsangkan berbanding hanya 470,000 kontena pada tahun lepas," jelasnya.